

DASAR PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Dasar Perlindungan Data Peribadi ini (“**Dasar Perlindungan Data Peribadi**”) menerangkan bagaimana **Unit Peneraju Agenda Bumiputera** dan **TERAJU Bumiputera Corporation**, sekutu dan subsidiarinya (“**TERAJU**” dan “**kami**”), akan menggunakan data peribadi anda dan Dasar Perlindungan Data Peribadi ini berkuatkuasa ke atas semua pengguna laman sesawang ini atau menerima apa jua perkhidmatan yang diberikan seperti yang tertakluk di sini (secara kolektifnya, “**Perkhidmatan**”). Sila rujuk Terma dan Syarat Laman Sesawang kami untuk segala terma yang berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan ini.

Dengan menggunakan Perkhidmatan ini, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan bersetuju dengan terma Dasar Perlindungan Data Peribadi ini. Jika anda tidak bersetuju dengan cara data peribadi anda akan digunakan seperti yang dimaklumkan di dalam Dasar Perlindungan Data Peribadi ini, anda tidak digalakkan untuk memberi data peribadi anda kepada kami atau berinteraksi dengan Perkhidmatan ini. Jika anda membuat keputusan untuk tidak memberi data peribadi yang diperlukan anda kepada kami, kami tidak boleh memberi Perkhidmatan kepada anda atau membenarkan anda untuk memohon kepada sebarang Program.

Kami mungkin akan mengubah Dasar Perlindungan Data Peribadi ini dari semasa ke semasa. Anda dianggap telah bersetuju dan memberi persetujuan kepada segala perubahan kepada Dasar Perlindungan Data Peribadi ini jika anda terus menggunakan Perkhidmatan yang diberikan.

Jika kami membuat sebarang perubahan yang ketara, kami akan memberi notis kepada anda melalui e-mel (yang akan dihantar kepada alamat e-mel yang dinyatakan dalam borang permohonan kepada mana-mana Program) atau melalui notis di Perkhidmatan sebelum perubahan dilakukan.

Istilah yang ditentukan akan membawa maksud seperti yang diberikan di dalam Terma dan Syarat Laman Sesawang, melainkan jika konteks menyatakan sebaliknya. Harap maklum bahawa terma di dalam Dasar Perlindungan Data Peribadi ini mengatasi Terma dan Syarat Laman Sesawang.

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Dasar Perlindungan Data Peribadi ini akan berkuatkuasa ke atas semua Pengguna, sama ada mereka peserta kepada mana-mana Program mahupun mereka yang mengakses sebarang laman sesawang:-

- (i) Milikan atau kendalian TERAJU; atau
- (ii) Penambahan atau penambahbaikan oleh TERAJU pada masa ini atau pada masa hadapan termasuklah tetapi tidak terhad kepada domain-domain di bawah:-
 - (a) www.teraju.gov.my;
 - (b) www.tpb2030.gov.my;
 - (c) www.mytpb2030.com; dan
 - (d) www.terajuexchange.gov.my.

(secara kolektifnya, “Laman Sesawang Mikro”).

1. JENIS-JENIS DATA PERIBADI YANG KAMI KUMPUL DARIPADA ANDA

Kami mungkin akan mengumpul, dan bersetuju dengan pengumpulan data peribadi anda untuk kategori-kategori yang berikut:

- Maklumat pengenalan: seperti nama, warganegara atau etnik asal, status Bumiputera, nombor kad pengenalan, nombor passport, maklumat cukai, maklumat insurans, maklumat persaraan, alamat surat-menyurat, alamat e-mel, nombor-nombor telefon, atau alamat lain yang digunakan oleh anda untuk menerima komunikasi daripada kami.
- Maklumat demografik: seperti pekerjaan, umur, tarikh lahir dan jantina.
- Maklumat mengenai kredit: seperti pencarian CCRIS dan CRIS.
- Maklumat komersial: seperti maklumat yang membolehkan kami untuk memantau aktiviti Program, seperti permohonan kepada Program, kecenderungan dan sejarah permohonan, bidang yang diminati, dan maklumat yang dikumpul melalui interaksi dengan gerbang permohonan.
- Maklumat lokasi: seperti maklumat berkaitan dengan negeri anda, daerah, mukim atau kawasan perumahan, dan jika anda bersetuju, maklumat lokasi yang lebih khusus yang boleh didapati melalui fungsi GPS di alat peranti mudah alih yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan ini.
- Maklumat kewangan: seperti maklumat yang dikumpul daripada anda untuk tujuan penyertaan anda dalam Perkhidmatan atau untuk memastikan sebarang pembayaran yang mauk atau keluar untuk mana-mana Program, seperti maklumat akaun bank, *Swift code*, *Sort code*, nombor transaksi, alamat invois, nombor kad pembayaran, tarikh luput dan nombor pengesahan kad.
- Maklumat internet dan aktiviti rangkaian: seperti maklumat berkenaan dengan corak pelayaran, sejarah pencarian, dan segala interaksi dengan laman sesawang dan iklan, termasuklah data daripada *cookie*, tag piksel dan penjejak laman sesawang.
- Kesimpulan mengenai minat anda: seperti penilaian kami terhadap jenis Perkhidmatan yang anda mungkin menarik minat anda, termasuklah mana-mana Program.

2. CARA TERAJU MENGUMPUL DATA PERIBADI

Kami mungkin akan mengumpul data peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuklah:

- Daripada anda: Kami mengumpul maklumat yang anda berikan kepada kami. Sebagai contoh, apabila anda menggunakan Perkhidmatan kami; apabila anda memohon untuk sebarang Program atau geran melalui gerbang permohonan dalam Laman Sesawang atau Laman Sesawang Mikro atau sebarang dokumen cetakan; apabila anda memuat naik sebarang Media Pengguna; apabila anda menghantar atau mengemaskinikan Profil Pengguna; apabila anda menghantar Maklumat Kajian Tinjauan; apabila anda menghantar Maklumat Pendaftaran untuk Acara; atau interaksi-interaksi yang lain. Kami akan mengumpul sebarang maklumat yang diberikan oleh anda secara rela, dan kami mungkin akan meminta maklumat pilihan untuk menyokong anda dalam

penggunaan Perkhidmatan ini. Jika anda menghantar e-mel kepada kami, kami akan mengumpul alamat e-mel dan perisian e-mel tersebut, termasuklah fail yang dilampirkan bersama dan segala maklumat lain yang anda pilih untuk diberikan kepada kami. Jika anda menghubungi kami melalui telefon, suara melalui Internet Protokol, perkhidmatan pesanan ringkas atau perkhidmatan pesanan segera atau faks, kami akan mengumpul maklumat perhubungan termasuklah nombor telefon dan perisian sebarang pesanan ringkas, pesanan segera atau faks.

- **Daripada alat peranti anda:** Apabila anda menggunakan Perkhidmatan ini, kami mungkin akan mengumpul maklumat tentang alat peranti yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan ini, termasuklah model perkakasan, sistem operasi dan versi, alamat Protokol Internet (“**IP**”), dan alat peranti pengesanan unik yang lain, maklumat rangkaian mudah alih, dan maklumat berkenaan dengan interaksi alat peranti dengan Perkhidmatan kami. Kami juga mengumpul maklumat berkenaan cara anda menggunakan Perkhidmatan kami, termasuklah waktu akses, jenis penyemak imbas, dan bahasa yang digunakan. Jenis data ini akan membolehkan kami untuk mengetahui jumlah individu yang telah menggunakan sebahagian daripada Perkhidmatan ini supaya kami boleh membuat analisa dan sebarang penambahbaikan jika perlu. Untuk mengumpul maklumat ini, kami menggunakan *cookie* dan penjejak laman sesawang, dan teknologi lain yang sama. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang cara kami menerima dan merekod maklumat secara automatik apabila anda berinteraksi dengan Perkhidmatan ini, sila rujuk kepada Dasar *Cookie*. Harap maklum bahawa Dasar Perlindungan Data Peribadi ini hanya meliputi cara kami menggunakan maklumat yang dikumpul melalui *cookies*; ia tidak meliputi penggunaan maklumat oleh pihak ketiga.
- **Maklumat lokasi:** Kami mungkin akan mengumpul maklumat pelbagai jenis berkenaan dengan lokasi anda, termasuklah maklumat umum, seperti mukim, negeri, daerah dan/atau poskod berhubung kait dengan alamat IP anda, dan jika anda bersetuju, maklumat lokasi yang lebih khusus yang boleh didapati melalui fungsi GPS di alat peranti mudah alih yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan ini. Kami mungkin akan menggunakan maklumat lokasi tersebut untuk menyesuaikan Perkhidmatan ini, termasuklah iklan yang dipamerkan kepada anda. Bagi tujuan tersebut, maklumat lokasi anda mungkin akan diberikan kepada sekutu, wakil, penjual atau pengiklan di bawah kami. Anda diberikan pilihan untuk tidak membenarkan kami untuk menggunakan data lokasi yang tertentu melalui alat peranti atau tetapan penyemak imbas, contohnya dengan menutup perkhidmatan “Lokasi” untuk aplikasi TERAJU di tetapan privasi iOS.
- **Agensi kerajaan, pejabat pendaftar dan pihak ketiga yang lain:** Kami mungkin akan memperoleh maklumat tentang anda atau tentang penggunaan Perkhidmatan ini oleh anda melalui sumber pihak ketiga, termasuklah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“**SSM**”), penyedia hos laman sesawang, pejabat pendaftar nama domain, penyedia analisis, atau pengiklan. Anda boleh memberikan akses kepada kami maklumat daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga. Maklumat yang kami peroleh daripada perkhidmatan pihak ketiga itu bergantung kepada penetapan akaun/privasi anda dengan pihak ketiga itu dan juga dasar privasi pihak ketiga tersebut. Oleh itu, pastikan anda menyemak dasar-dasar tersebut dan mengubahsuai tetapan mengikut pilihan anda. Jika anda mengakses Perkhidmatan ini melalui rangkaian media sosial dan platform pihak ketiga yang lain, anda telah memberikan kebenaran kepada TERAJU untuk mengumpul, menyimpan dan menggunakan maklumat dan perisiannya selari dengan Dasar Perlindungan Data Peribadi ini. Harap maklum bahawa sebarang

maklumat yang diberikan kepada kami oleh mana-mana pihak ketiga mungkin juga akan tertakluk kepada dasar privasi pihak ketiga tersebut.

3. BAGAIMANA TERAJU MENGGUNAKAN DATA PERIBADI

Kami mungkin akan menggunakan data yang dikumpul untuk:

- Hal operasi, penyelenggaraan dan penambahbaikan Perkhidmatan dan program-program lain, ciri-ciri, dan fungsi yang berkaitan dengan Perkhidmatan ini;
- Perhubungan dan interaksi bersama pengguna dan pelanggan, termasuklah menjawab segala persoalan dan bertindak ke atas segala permintaan anda;
- Penambahbaikan privasi;
- Pra-penyaringan untuk menentukan kelayakan, atau ketidaklayakan, untuk menyertai sebarang Program atau geran;
- Memproses permohonan Program anda, termasuklah berkomunikasi dengan pemohon yang berkaitan tentang status atau kejayaan permohonan yang belum selesai;
- Melaksanakan analisis dan menjalankan kajian Pengguna;
- Menyimpan ke dalam pusat repositori data dan menyediakan kepada sesetengah pihak ketiga yang diberikan kuasa termasuklah wakil kerajaan, kementerian, agensi dan badan berkanun;
- Berkomunikasi dan memberikan maklumat lanjut tentang maklumat yang anda mungkin minati mengenai TERAJU dan rakan perniagaan kami, kadangkala dengan menggabungkan maklumat dengan maklumat kami peroleh daripada sumber yang lain;
- Memberikan anda peringatan, notis teknikal, berita kemaskini, peringatan keselamatan, bantuan dan mesej pentadbiran, buletin perkhidmatan, mesej pemasaran dan maklumat yang diminta, termasuklah bagi pihak rakan perniagaan kami;
- Memberikan kajian tinjauan, soal selidik, pertandingan atau aktiviti promosi yang lain atau acara yang ditaja oleh kami atau rakan perniagaan kami;
- Pengendalian keperluan perniagaan seharian kami, seperti pentadbiran Perkhidmatan, pengendalian forum, pemenuhan, analisis, pencegahan penipuan dan pelaksanaan tanggungjawab pelaporan korporat, Perjanjian Pengguna, atau untuk mematuhi undang-undang;
- Membenarkan anda untuk memohon pekerjaan, memohon untuk menyertai Program, membuat sebarang aduan, memuat naik Media Pengguna, menyertai sebarang Kajian Tinjauan atau Acara, atau mendaftarkan diri untuk buletin atau berita kemaskini daripada TERAJU, rakan perniagaan kami atau syarikat lain;

- Mengesahkan segala permintaan anda yang dibuat menurut Dasar Perlindungan Data Peribadi ini; dan
- kami juga akan menggunakan maklumat yang dikumpul seperti yang dijelaskan di dalam Dasar Perlindungan Data Peribadi ini dengan izin anda atau sebaliknya jika dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang.

TERAJU mungkin akan menggunakan geolokasi anda, termasuklah geolokasi yang tepat, yang konsisten dengan Dasar Perlindungan Data Peribadi untuk menilai kelayakan anda untuk sebarang Program dan juga untuk analisis Laman Sesawang.

4. BILA DAN KENAPA TERAJU MENDEDAHKAN MAKLUMAT

Kami mungkin akan berkongsi maklumat peribadi anda seperti berikut:

- jika dikehendaki untuk mematuhi undang-undang atau kewajiban undang-undang, seperti untuk mematuhi perintah undang-undang dan permintaan kerajaan, atau seperti yang diperlukan untuk menyokong audit, pematuhan dan fungsi tadbir urus korporat;
- dalam mematuhi sapina (“subpoena”), atau proses undang-undang yang sama, termasuklah perintah yang diberi oleh agensi pelaksanaan undang-undang, pengawal selia, dan mahkamah di Malaysia atau negara lain di mana kami beroperasi;
- bersama penjual untuk melaksanakan pelbagai perkhidmatan dan fungsi untuk kami, seperti simpanan data, pemenuhan pesanan, penghantaran e-mel, dan pengurusan kandungan digital. Kami mungkin akan berkongsi maklumat anda dengan penjual tersebut tertakluk kepada tanggungjawab kerahsiaan selari dengan Dasar Perlindungan Data Peribadi ini dan dengan syarat pembekal perkhidmatan tersebut menggunakan maklumat anda bagi pihak kami dan hanya dengan arahan kami;
- sekiranya kami melalui peralihan perniagaan seperti penggabungan, pemerolehan oleh syarikat lain, kebangkrutan, perubahan struktur organisasi, atau penjualan semua atau sebahagian daripada aset kami;
- untuk melawan penipuan atau aktiviti jenayah, dan untuk melindungi hak, pengguna, dan rakan perniagaan kami, atau sebagai sebahagian daripada prosiding undang-undang yang mempengaruhi TERAJU atau pertubuhan perbadanan yang lain;
- bersama sekutu dan subsidiari kami yang hanya boleh menggunakan data peribadi tersebut bagi tujuan seperti yang dijelaskan di dalam Dasar Perlindungan Data Peribadi ini;
- jika maklumat telah terkumpul (*aggregated*), di nyah kemungkinannya kenal pasti (*de-identified*), di nyah namakan (*anonymised*) atau dengan apa jua cara supaya maklumat anda tidak boleh diguna untuk mengenalpasti anda secara peribadi; dan
- sebaliknya dengan izin anda.

Kami mungkin akan mendedahkan data peribadi di dalam kategori di bawah untuk tujuan perniagaan dan pengendalian kami termasuklah menukar dengan perkhidmatan, pandangan atau yang lain:

- Pengecam;
- Demografik;
- Maklumat Komersial;
- Maklumat Lokasi;
- Maklumat Kewangan;
- Maklumat internet dan aktiviti rangkaian; dan
- Kesimpulan ke atas minat dan ciri-ciri.

5. KESELAMATAN DATA PERIBADI

TERAJU telah melaksanakan satu program maklumat keselamatan yang mengandungi kawalan pentadbiran, teknikal dan fizikal yang direka untuk melindungi data peribadi. Walau bagaimanapun, tidak wujud apa-apa cara penyebaran melalui Internet, atau cara penyimpanan elektronik, yang 100% tepat. Maka, kami tidak dapat menjamin keselamatan yang mutlak. Jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai keselamatan data peribadi anda, sila hubungi kami di corpcomms@teraju.gov.my.

6. HAK ANDA KE ATAS DATA PERIBADI

Anda mempunyai beberapa hak ke atas data peribadi anda seperti berikut:

- Anda mempunyai hak untuk membuat permintaan untuk mengakses data dalam format bertulis untuk maklumat tentang data peribadi anda yang diproses oleh atau bagi pihak TERAJU;
- Anda mempunyai hak untuk membetulkan dan mengemaskinikan data peribadi anda;
- Anda mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran anda untuk memproses data peribadi anda selanjutnya;
- Anda mempunyai hak untuk meminta kepada kami untuk memberhentikan pemprosesan data peribadi jika proses tersebut akan menyebabkan kerosakan atau kesusahan;
- Anda mempunyai hak untuk meminta kami untuk memberhentikan pemprosesan data peribadi untuk tujuan pemasaran langsung.

7. HUBUNGI KAMI

Sila hubungi kami jika terdapat sebarang persoalan atau komen tentang amalan privasi yang digunakan oleh kami atau Dasar Perlindungan Data Peribadi ini. Anda boleh berhubung dengan kami melalui corpcomms@teraju.gov.my. Anda juga boleh menghantar surat kiriman ke alamat berikut:

Unit Peneraju Agenda Bumiputera
Tingkat 13, Blok A
Suasana PjH, Jalan Tun Abdul Razak
Presint 2, 62100 Putrajaya